

Saya ambil kira pandangan kaum lain: Pak Lah

DARI MUKA 1

“Mujurlah parti kita (Barisan Nasional) walaupun terperangkap dengan isu perkauman yang timbul itu tetapi disebabkan sudah lama diasuh menghadapinya dengan hati-hati, sebarang isu dapat diselesaikan,” katanya.

Berikutan itu, beliau berkata, semua pihak, terutama parti politik perlu memberi perhatian terhadap isu perkauman dan agama kerana pencapaian negara yang membanggakan kini tidak diperoleh tanpa se-

barang masalah.

“Saya berterima kasih jika semua pihak menganggap pencapaian negara kini pada tahap cemerlang, tetapi perlu saya tegaskan, ia dicapai bukan tanpa masalah dan hari ini pun kita masih ada masalah yang perlu diuruskan.

“Perasaan tidak berpuas hati ada di mana-mana, ada dalam MIC, MCA atau Gerakan... memang ada dan PM (Perdana Menteri) tahu sebab dia ada telinga besar,” katanya sambil disambut gelak tawa perwakilan.

Katanya, beliau sentiasa memastikan kehadiran dan pendiriannya pada

perhimpunan agung parti komponen BN konsisten sejak dilantik pada 2004.

“Saya diberi amanah menjalankan tugas untuk semua rakyat, dan apabila memikirkan dasar nasional, saya akan pastikan pandangan dan perasaan kaum lain diambil kira kerana sikap adil, saksama dan hormat menghormati itu adalah jati diri bangsa kita yang sebenar dan saya rasa tercabar dan bertanggungjawab untuk melaksanakannya,” katanya.

Sambil merujuk ucapan perwakilan pada Perhimpunan Agung Umno tahun lalu yang menimbulkan rasa tidak

puas hati segelintir rakyat, Abdullah berkata, pendiriannya mengenai perpaduan, kerjasama, masa depan rakyat dan negara ini masih kekal kerana amanah yang diberi adalah untuk menjalankan tugas kepada rakyat tanpa mengira kaum.

“Walaupun nak melahirkan perasaan, jangan sampai ketepikan kepentingan dan hak kaum lain,” katanya memberi jaminan akan terus komited kepada persaudaraan dan kerjasama dalam BN dan sekali lagi mengajak rakyat bekerja bersama beliau, bukan untuk beliau.